No. Pendaftaran:
PPAB - 03/2006

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG ★ JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

# AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952
# [AKTA 258]

Dalam Perkara
HUMAN LIFE ADVANCEMENT FOUNDATION

Dan

Dalam Perkara
Tun Dr Mahathir bin Mohamad (No.K/P: 251220-02-5151),
Yousef Abdullatif Jamel (Saudi Arabia Passport No: F505800), dan
Korkut Ozal (Turki Passport No: B050647),
pemegang-pemegang amanah yang dilantik oleh
ACCUVIS FZE (No. Syarikat 097)

Dan

Dalam Perkara
AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952 [AKTA 258]

MALAYSIA $ 000.10 — PUSAT SETEM JALAN DUTA KL 12.9.06

MALAYSIA $ 000.10 — PUSAT SETEM CHERAS 27.9.06

## SIJIL PEMERBADANAN

YANG BERHORMAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI setelah menimbangkan pernyataan dan butir-butir dalam satu permohonan bertulis bertarikh 14 Jun 2006 dan ditandatangani oleh pemegang-pemegang amanah yang dilantik oleh ACCUVIS FZE untuk satu sijil pemerbadanan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952:

MALAYSIA $ 000.10 — PUSAT SETEM CHERAS 27.9.06

CERTIFIED TRUE COPY
AHMAD HAMDAN ABD HAMID
Company Secretary
Sijil Annual Peguam BC/A/1154

DAN SETELAH MENGAMBIL KIRA takat, jenis dan tujuan-tujuan dan lain-lain keadaan HUMAN LIFE ADVANCEMENT FOUNDATION:

DAN SETELAH MENIMBANGKAN pemerbadanan tersebut bermanfaat, DENGAN INI MEMBERI SIJIL PEMERBADANAN kepada pemegang-pemegang amanah HUMAN LIFE ADVANCEMENT FOUNDATION dan adalah pada 14 haribulan Julai 2006 diperbadankan dengan nama TRUSTEES OF THE HUMAN LIFE ADVANCEMENT FOUNDATION REGISTERED tertakluk kepada syarat-syarat dan arahan-arahan yang berikut:

1. Kelayakan dan bilangan pemegang-pemegang amanah hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan oleh Surat Ikatan Amanah bertarikh 25 Oktober 2005, tetapi bilangan pemegang-pemegang amanah hendaklah dalam apa jua keadaan, tidak kurang dari 3 orang kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh pemegang-pemegang amanah di dalam mesyuarat tahunan, tidak melebihi 7 orang;

2. Syarat-syarat pemegangan dan pentaksahan jawatan pemegang-pemegang amanah hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan oleh Surat Ikatan Amanah bertarikh 25 Oktober 2005;

3. Cara pelantikan pemegang-pemegang amanah yang baru hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan oleh Surat Ikatan Amanah bertarikh 25 Oktober 2005;

4. Pemegang-pemegang amanah hendaklah mempunyai dan menggunakan suatu rekabentuk meteri am yang ditunjukkan di sini:



5. Meteri am hendaklah disimpan dalam keadaan selamat dan hendaklah digunakan sebagaimana yang diperuntukkan oleh Surat Ikatan Amanah bertarikh 25 Oktober 2005;

6. Pemegang-pemegang amanah adalah mempunyai kuasa untuk memperolehi dan memegang tanah, harta alih dan harta tidak alih serta melabur wang tabung amanah yang ada pada mereka menurut Surat Ikatan Amanah bertarikh 25 Oktober 2005.

Bertarikh 14 haribulan **Julai 2006**

**DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA